

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN NO. 85

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pembinaan ECRL dan sejauh mana pengurangan skop dan kos pembinaan akan mempengaruhi proses penyiapan projek tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) Projek ECRL. Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 billion.

2. Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek pelaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama diantara pihak pemilik Projek yang dilantik Kerajaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.

3. Jajaran baru ini terutamanya berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong dan laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek. Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang yang melalui daerah Jelevu di Negeri Sembilan telah mengelakkan Permatang Kuarza Gombak yang dirancang untuk dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO daripada laluan ECRL.

4. Di samping itu juga, stesen-stesen baharu telah dikenalpasti di sepanjang jajaran iaitu Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral, Pelabuhan

Klang dan stesen-stesen baharu turut dicadangkan di Selangor dan Negeri Sembilan. Stesen-stesen yang dibatalkan pula adalah Bentong, Gombak Utara, ITT Gombak, Telaga Papan, Jelawat, Pengkalan Kubor dan Wakaf Bahru.

5. Pada masa ini, pihak MRL di dalam proses menyediakan skim keretapi yang baru bagi jajaran Mentakab ke Pelabuhan Klang mengikut keperluan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Pemeriksaan awam akan dijalankan selama tiga (3) bulan bagi orang ramai meneliti dan memberi maklumbalas terhadap jajaran tersebut.

6. Selain itu, syarikat pembinaan Malaysia di seluruh negara mensasarkan peluang mendapatkan sebahagian daripada 40 peratus kerja-kerja sivil daripada projek ECRL berikutan tamatnya program pendaftaran Pra-Kelayakan untuk mengenalpasti subkontraktor berpotensi. Sejumlah 1,321 penyertaan daripada syarikat-syarikat berdaftar CIDB telah diterima oleh kontraktor utama projek ECRL, China Communications Construction Company Ltd (CCCC) semasa program Pra-Kelayakan pada 29hb dan 30hb Mei 2019.

7. Oleh yang demikian, pengurangan skop dan kos tidak mempengaruhi penyediaan projek ECRL ini kerana ianya telah mengambil kira keseluruhan jajaran dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang dan bakal disiapkan pada Disember 2026.

Sekian, terima kasih.